

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 16/02/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 19

KOSMO! JUMAAT 16 FEBRUARI 2018

NEGARA! 19

Jenama produk keluaran koperasi perlu dilonjakkan

KLANG – Penjenamaan semula perniagaan koperasi perlu dilakukan bagi melonjakkan keyakinan orang ramai terhadap barang dikeluarkan koperasi di negara ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pada masa ini masih terdapat stigma dalam masyarakat bahawa produk keluaran koperasi tidak setanding dengan produk syari'at lain.

“Banyak pihak tidak mengetahui jenama produk seperti Samsung, Dutch Lady dan Anmun sebenarnya berasal daripada koperasi namun berjaya menarik perhatian orang ramai..”

“Pemilikan koperasi tidak berubah cuma jenama perniagaan menjadi identiti baharu kepada produk koperasi,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutupan Konvensyen Hala Tuju Koperasi Orang Asli Peringkat Kebang-

saan 2018 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi (kanan) dan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Ismail Sabri berkata, kementeriannya melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli menyasarkan 20 koperasi Orang Asli mempunyai perolehan RM20 juta menjelang tahun 2020.



ISMAIL SABRI (tiga dari kanan) menerima resolusi konvensyen daripada Busu Ngah (kiri) yang mewakili koperasi Orang Asli pada majlis penutup Konvensyen Hala Tuju Koperasi Orang Asli Peringkat Kebangsaan 2018 di Klang semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia